

LARIAN GUNUNG BEREMBUN

Penganjuran sempena program *Visit Beautiful Terengganu*, dedah keunikan hutan lipur kepada pelancong luar



Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Cabaran larian gunung, Mount Berembun Climbathon Challenge 2024 (MBCC24) yang diadakan baru-baru ini di Taman Eko Rimba Chemerong, Dungun, Terengganu mendapat sambutan positif daripada 672 peserta seluruh negara.

MBCC 24 yang dianjurkan Kelab Kembara Terengganu (Terengganu Backpackers) dan TAC Outdoor dengan sokongan Tourism Malaysia, Kerajaan Negeri Terengganu dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu adalah salah satu usaha Jabatan Pelancongan Negeri dalam menjayakan Visit Beautiful Terengganu.

Pengarah Acaranya, Muhammad Rafi Kori berkata, MBCC 24 menjadi platform

untuk mempromosikan pelbagai keindahan dan keunikan hutan lipur, terjun dan gunung ganang yang ada di Terengganu dengan mempromosikan pelancongan sukan.

Jelasnya, Gunung Berembun yang terkenal dengan jolokan CBL (Chemerong, Berembun, Langsir) berketinggian 1,038 meter dari paras laut semestinya menjadi destinasi gunung di Terengganu yang menjadi tumpuan pendaki di Malaysia.

"Di kaki gunung itu adalah Taman Eko Rimba yang sentiasa menjadi tarikan pengunjung untuk aktiviti rekreasi keluarga terutamanya setiap hujung minggu. Justeru acara ini merancakkan lagi lokasi itu sebagai satu destinasi percutian yang menarik dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Penganjuran MBCC kali ini diadakan bertujuan

mengajak orang ramai terutamanya anak muda untuk membudayakan aktiviti riadah dan bersukan sihat dan cergas melalui elemen pendakian gunung," katanya.

Tambahnya, penjagaan kesihatan dan kecergasan harus menjadi keutamaan kepada semua orang dan ia antara elemen penting dalam pertumbuhan sesebuah negeri dan negara.

"Kali terakhir diadakan acara perlumbaan MBCC adalah pada tahun 2013. Sebelum ini, acara climbathon diadakan di Gunung Tebu, Besut pada 2022 dan 2023.

"Pemandangan yang cantik, udara nyaman dapat dinikmati dari puncak gunung ini menjadi tarikan kepada orang ramai sambil menjalankan aktiviti sihat dan cergas. Tumpuan utama pengunjung ke sini setiap hujung minggu dan hari cuti," katanya.

Manakala, satu lagi

kategori sebagai 'Fun Trail' sejauh dua kilometer dan lima kilometer yang ditawarkan untuk peserta yang ingin merasai kemeriahan larian dalam suasana secara santai.

Katanya, menerusi acara itu ia memberi kesan ekonomi pelancongan dan akan terus bermanfaat kepada penduduk dan industri pelancongan setempat di Daerah Dungun kerana ia membabitkan hotel dan rumah penginapan, restoran, kedai kedai runcit dan sebagainya.


"Secara tidak langsung membuka minda penduduk setempat dalam memanfaatkan seberapa banyak peluang ekonomi di sebalik ribuan pengunjung yang bertandang ke daerah itu.

"Selain itu, acara ini juga salah satu usaha bagi menggerakkan peranan Malim Gunung Perhutanan (MGP) Terengganu yang dijayakan pada tahun 2022 di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Kepakaran mereka ini digunakan bermula pada tahun 2023 membabitkan aktiviti pendakian gunung.

"Berkaitan aktiviti pendakian Gunung Berembun pula, mereka yang ingin mendaki perlu mendapatkan permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal di Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan, Bandar Dungun dengan kadar bayaran RM10 seorang. Permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh pendakian," katanya.



MBCC24 mendapat sambutan menggalakkan



PESERTA melalui laluan sungai menjadi salah satu cabaran dalam trek larian.



BARISAN pemenang kategori lelaki terbuka